



TATACARA GUGUR/TAMBAH KURSUS SEMESTER PERTAMA SESI 2018/2019 (A181)

Tarikh: 26 Ogos 2018 – 12 September 2018

Kaedah: Secara Dalam Talian (Portal Pelajar)

<http://portal.uum.edu.my> atau <http://register.uum.edu.my>

- Minggu Gugur/Tambah Kursus Semester Pertama Sesi 2018/2019 akan dilaksanakan secara dalam talian melalui : <http://portal.uum.edu.my> atau <http://register.uum.edu.my> .
- Gugur/Tambah Kursus Secara Dalam Talian mulai (26 Ogos – 12 September 2018):**
Semua pelajar aktif adalah layak untuk membuat Gugur/Tambah Kursus Secara Dalam Talian seperti Jadual berikut:-

SEMESTER SEMASA	TEMPOH GUGUR/TAMBAH		BIL. HARI
	TARIKH	MASA BERMULA	
7 ke atas	26 – 27 Ogos 2018	12.00 tengah hari	2 hari
5 dan 6	28 – 29 Ogos 2018	12.00 tengah hari	2 hari
3 dan 4	2 – 3 September 2018	12.00 tengah hari	2 hari
1 dan 2	10 – 12 September 2018	12.00 tengah hari	3 hari

- Gugur/Tambah Kursus di Pusat Pengajian mulai (10 – 13 September 2018):**

HANYA PELAJAR-PELAJAR BERIKUT SAHAJA DIBENARKAN untuk mendaftar di Pusat Pengajian:-

- Pelajar yang mendapat status Lulus Bersyarat/Mengulang/Gagal tetapi dipanggil semula;
 - Pelajar yang menangguhkan pengajian (bagi semester sebelumnya).
- Pelajar yang mempunyai **TUNGGAKAN HUTANG** sehingga semester **A172 TIDAK DIBENARKAN** membuat gugur/tambah kursus. Gugur/tambah kursus hanya dibenarkan sekiranya tunggakan hutang berkenaan dijelaskan sepenuhnya dan pembayaran **TUNGGAKAN HUTANG** perlulah dijelaskan dalam tempoh minggu pertama semester A181 sahaja.
 - Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan Peraturan Pengajian untuk Program Sarjana Muda Perkara 8.2 dan 8.3 dalam Buku Panduan Akademik yang menetapkan:

Perkara 8.2:

“Seorang pelajar boleh dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya jika beliau tidak menjelaskan mana-mana bayaran yang diperlukan kepada Universiti”

Perkara 8.3:

“Pelajar yang tidak mendaftar kursus selepas minggu kedua pada setiap semester akan digugurkan dari senarai nama pelajar berdaftar UUM.”

- Universiti memberi kelonggaran kepada pelajar yang berhutang untuk membuat gugur/tambah kursus seperti di bawah:
 - Pelajar tempatan yang berhutang TIDAK melebihi RM1,500.00**
 - Pelajar Antarabangsa yang berhutang TIDAK melebihi RM100.00**

7. Sepanjang Minggu Gugur/Tambah Kursus, Jadual Waktu Kuliah boleh dicapai di dalam portal masing-masing.
8. Permohonan untuk mengambil kursus melebihi 22 jam kredit (tertakluk kepada kekosongan tempat) boleh dipohon dengan cara mengisi borang permohonan di dalam **Sistem U-Assist** mulai **10 September 2018 (Isnin) – 13 September 2018 (Khamis)**. Sebarang penambahan kursus melebihi 22 jam kredit adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i) Pelajar semester akhir **SAHAJA**;
 - ii) PMK terakhir adalah 2.50 dan ke atas;
 - iii) Lebihan jam kredit hanya 3 kredit sahaja (menjadikan jumlah kredit 25 jam/semester);
 - iv) Tertakluk kepada kekosongan tempat;
 - v) Bayaran dikenakan sebanyak RM40.00 untuk 1 jam kredit (bayaran dijelaskan selepas permohonan diluluskan).
9. Permohonan Kursus Audit (tertakluk kepada kekosongan tempat) boleh dibuat dengan cara mengisi borang permohonan di dalam **Sistem U-Assist** mulai **10 September 2018 (Isnin) – 13 September 2018 (Khamis)**. Tiada bayaran dikenakan.

Arahan:

Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Akademik
Universiti Utara Malaysia